

24 OCT 2001

Chong-Filipina

SABAH SAMBUT BAIK PEMBUKAAN PEJABAT BUDAYA FILIPINA

KOTA KINABALU, 24 Okt (Bernama) -- Ketua Menteri Sabah Datuk Chong Kah Kiat berkata Kerajaan Negeri menyambut baik penubuhan Pejabat Ekonomi dan Budaya Filipina (Peco) di Sabah tahun depan.

Beliau berkata keputusan menubuhkan pejabat seperti itu adalah baik bagi hubungan dua hala antara Malaysia dan Filipina.

"Kami sangat gembira dan benar-benar menyambut baik keputusan kerajaan Filipina yang akan memperkukuhkan lagi hubungan dua hala antara Filipina dan Malaysia, khususnya Sabah," kata beliau kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet negeri di sini, hari ini.

Chong berkata demikian sebagai respons kepada kenyataan Duta Filipina ke Malaysia Jose Brillantes baru-baru ini yang pejabat itu akan ditubuhkan awal tahun hadapan.

Brillantes berkata, pejabat itu akan diketuai oleh seorang pengarah dan dijangka menguruskan keperluan ramai warga Filipina yang berada dan bekerja di Sabah.

Penubuhan pejabat itu diumumkan oleh Presiden Filipina Gloria Macapagal Arroyo semasa lawatan rasmi pertamanya ke Malaysia baru-baru ini.

Sementara itu mengenai kenaikan gaji 10 peratus bagi kakitangan kerajaan, Chong berkata Kabinet Negeri telah meminta Menteri Kewangan Negeri Datuk Musa Aman supaya mendapatkan maklumat tambahan mengenai hal itu daripada Kerajaan Persekutuan sebelum apa-apa keputusan boleh diambil.

"Kita perlu mengkaji implikasi kewangan (kenaikan) memandangkan Sabah mempunyai paling ramai kakitangan awam," katanya.

Beliau berkata Sarawak tidak mempunyai lebih daripada 20,000 kakitangan awam negeri sementara Sabah pula mempunyai lebih kurang 37,000 kakitangan awam negeri.

Jumaat lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan semasa membentangkan belanjawan 2002, mengumumkan bonus separuh bulan ataupun sekurang-kurangnya RM1,000 bagi kakitangan awam yang akan dibayar dalam dua bahagian pada bulan ini dan bulan depan serta kenaikan gaji sebanyak 10 peratus.

Musa telah berkata yang Kerajaan Negeri akan juga mempertimbangkan bonus separuh bulan dan menaikkan gaji sebanyak 10 peratus bagi kakitangan awam negeri seperti yang diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan dalam Belanjawan 2002.

-- BERNAMA

HAK PR